



SELAMAT DATANG KE e-ORIENTASI WAD HOSPITAL UMUM SARAWAK

1. Sila patuh Etika di Wad.



**NOTIS KEPADA PELANGGAN
HOSPITAL UMUM SARAWAK**



Hospital Umum Sarawak komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik kepada semua pihak yang berurusan dengan kami.

PERINGATAN

Semua pesakit / ahli keluarga / pelawat Hospital Umum Sarawak **HENDAKLAH SENTIASA:**

- ✓ **BERKELAKUAN BAIK, BERSOPAN dan MENGHORMATI PERATURAN-PERATURAN** Hospital Umum Sarawak sepanjang berada di kawasan Hospital Umum Sarawak.

TINGKAH LAKU seperti mengeluarkan **KATA-KATA KESAT, UGUTAN, MENGGUNAKAN KEKERASAN** atau **MENGANGGU KAKITANGAN** Hospital Umum Sarawak melaksanakan tugas mereka adalah **DILARANG**.

Tindakan undang-undang boleh dikenakan terhadap pelaku di bawah Kanun Keseksaan Atau Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955.

**PENGARAH
HOSPITAL UMUM SARAWAK**

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

2. Surat akuan pengesahan diri dari majikan dan untuk pelajar surat pengesahan dari sekolah hendaklah diserahkan kepada staf semasa pendaftaran kemasukan ke wad.
3. Barang-barang dibawa semasa kemasukan ke hospital seperti:
 - Cawan dan sudu
 - Bekas air panas dan air suam
 - Berus gigi dan ubat gigi
 - Tuala dan sabun mandi
 - Sikat rambut
 - Sepasang pakaian
 - Sepasang kasut/selipar
4. Elakkan membawa barang-barang berharga seperti barang kemas, wang yang banyak, komputer riba. Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan.
5. Elakkan membawa barang-barang tajam. Sekiranya diperlukan, sila dapatkan daripada petugas wad.
6. Pesakit wajib menggunakan pakaian hospital.
7. Sila patuhi masa melawat untuk memudahkan anggota hospital menjalankan perawatan dengan cekap tanpa sebarang gangguan dan membolehkan pesakit rehat.

Masa melawat:-

- 6.00 pagi – 7.00 pagi
- 12.30 tengahari- 2.00 petang
- 5.30 petang - 7.30 petang

8. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan melawat pesakit.
9. Hanya seorang penjaga sahaja dibenarkan untuk menjaga pesakit yang tenat dengan kebenaran dari pihak hospital.
10. Pelawat tidak digalakkan untuk melawat pesakit yang berada di bilik atau kawasan pengasingan.
Sila cuci tangan sebelum dan selepas memasuki bilik pengasingan.
11. Sila simpan barang peribadi di dalam almari/loker yang disediakan. Elakkan meletak barang di bawah katil.
12. Elakkan daripada membuang sisa makanan ke dalam sinki.
13. Air panas akan disediakan pada masa seperti : 9 pagi, 3 petang, 10 malam dan bila perlu.
14. Dilarang merokok di dalam wad dan kawasan hospital.
15. Soket ini adalah khas untuk peralatan perubatan. Elakkan mengedcas telefon bimbit di kawasan ini.
16. Dilarang membuat rakaman video atau mengambil gambar semasa di dalam wad.
17. Sila letak talam makanan di atas *cardiac table*/ loker. Elak diletakkan di atas lantai.
- 18.a Simpan pakaian yang telah digunakan di dalam beg linen putih yang disediakan dalam bilik mandi/tandas.
- 18.b Pakaian yang tercemar dengan najis, darah, cecair badan hendaklah disimpan dalam beg linen berwarna merah.
19. Pesakit tidak dibenarkan keluar dari wad tanpa kebenaran daripada doktor dan jururawat.
20. Pesakit dan pelawat dikehendaki menggunakan *alcohol based hand rub* yang disediakan atau mencuci tangan dengan air dan sabun mengikut *5 moment of hand hygiene*.
21. Pihak Hospital ada menyediakan kit solat untuk pesakit yang beragama Islam.
22. Langkah-langkah pencegahan pesakit terjatuh adalah seperti pagar katil sentiasa diangkat, gunakan selipar yang sesuai dan berhati-hati dengan lantai yang licin.
23. Pesakit berhak untuk mengetahui penyakit yang dihidapi.
24. Pesakit berhak untuk tidak menandatangani surat persetujuan jika masih kurang faham ataupun tidak diberitahu oleh doktor ataupun pakar sebelum menjalani sesuatu prosedur ataupun pembedahan.
25. Sila berhubung dengan doktor atau jururawat mengenai skor kesakitan supaya tindakan dapat diambil dengan segera.
26. Pastikan anda tahu pintu kecemasan di mana anda berada.
27. Hubungi petugas di wad sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan atau kemusykilan.

Pengarah
Hospital Umum Sarawak

Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)
K4U